

Tahap Kecerdasan Emosi Guru Tadika: Satu Tinjauan di Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI)

BITARA

Volume 7, Issue 3, 2024: 296-310
© The Author(s) 2024
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>
Received: 27 August 2024
Accepted: 27 August 2024
Published: 30 September 2024

[Level of Emotional Intelligence among Kindergarten Teachers: A Survey at Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI)]

Nur Amirah Sidek^{1*} & Zaharah Osman²

1 Jabatan Pendidikan dan Pembangunan Insan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah, km 8 Jalan Gambang, 25150 Kuantan, Pahang MALAYSIA, E-mail: amirah@unipsas.edu.my

2 Jabatan Pendidikan Awal Kanak-Kanak, Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Universiti Pendidikan Sultan Idris 35900. Tanjung Malim, Perak MALAYSIA, E-mail: zaharah@fppm.upsi.edu.my

*Corresponding Author: amirah@unipsas.edu.my

Abstrak

Pengendalian kecerdasan emosi dalam diri guru membantu pertumbuhan mental yang sihat dalam memberikan pendidikan yang terbaik untuk kanak-kanak. Terdapat lima domain dalam kecerdasan emosi yang dikaji iaitu kebolehan guru mengenali emosi, pengurusan emosi guru, motivasi guru, empati guru dan perhubungan sosial guru. Kajian ini dijalankan bagi mengkaji tahap kecerdasan emosi yang terdapat dalam diri guru tadika menurut persepsi guru tadika. Pendekatan kuantitatif dengan menggunakan borang kaji selidik telah diaplikasikan dalam kajian ini. Seramai 110 orang guru tadika daripada tadika PASTI di kawasan Kuantan dan Paya Besar telah terlibat dalam kajian ini. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan min, peratus dan sisihan piawai melalui aplikasi *Statistical Package for Social Science (SPSS)* Versi 23. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa tahap kecerdasan emosi guru tadika di PASTI adalah tinggi. Namun begitu, dalam konteks kecerdasan emosi, guru meletakkan sifat empati yang tinggi ketika berhadapan dengan kanak-kanak berbanding mementingkan pengurusan emosi mereka sendiri. Kajian ini memberi implikasi kepada guru bahawa kemahiran kecerdasan emosi guru tadika penting dalam menghadapi kanak-kanak setiap hari. Pengurusan emosi adalah konstruk yang perlu dititikberatkan bagi membantu guru faham akan emosi mereka sendiri dan mampu membina interaksi sihat dan selamat dengan kanak-kanak.

Kata kunci: kecerdasan emosi, pengurusan emosi, motivasi guru, empati guru, perhubungan sosial

Abstract

Managing the emotional intelligence in teachers supports healthy mental growth to provide the best education for children. There are five domains in emotional intelligence in this study which are teachers' ability to recognize emotions, teacher's emotional management, teacher's motivation, teacher's empathy and teacher's social relationships. This study was conducted to examine the level of emotional intelligence found in kindergarten teachers according to the perception of kindergarten teachers. A quantitative approach using a survey form has been applied in this study. There were 110 kindergarten teachers from PASTI kindergartens in the Kuantan and Paya Besar areas who were involved in this study. The data obtained was analyzed using the mean, percentage and standard deviation through the application of Statistical Package for Social Science (SPSS) Version 23. The findings of the study show that the level of emotional intelligence of kindergarten teachers at PASTI is high. However, in the context of emotional intelligence, teachers place a high level of empathy when dealing with children rather than caring about their own emotional management. This study gives implications for teachers that kindergarten teachers' emotional intelligence skills are important

in dealing with children every day. Emotional management is a construct that needs to be emphasized to help teachers understand their own emotions to build healthy and safe interactions with children.

Keywords: emotional intelligence, recognize emotions, emotional management, teacher's motivation, teacher's empathy, social relationships, kindergarten teachers, children

Cite This Article:

Nur Amirah Sidek & Zaharah Osman. (2024). Tahap Kecerdasan Emosi Guru Tadika: Satu Tinjauan di Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI) [Level of Emotional Intelligence among Kindergarten Teachers: A Survey at Pusat Asuhan Tunas Islam (PASTI)]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 7(3): 296-310.

Pengenalan

Kanak-kanak adalah aset negara. Namun begitu, kanak-kanak kini mempunyai masalah kesihatan mental sejak kecil lagi dan dapat dibuktikan dengan laporan daripada Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS). Tinjauan melaporkan terdapat 1 daripada 20 kanak-kanak berumur 5-9 tahun sudah mempunyai masalah mental pada tahun 2019 dan pada tahun 2023 pula, tinjauan menunjukkan 1 daripada 6 kanak pula sudah mula mempunyai masalah mental. Ini menunjukkan peningkatan dua kali ganda sejak 2019 hingga 2023. Laporan Kesihatan Mental Kanak-Kanak Remaja Negara Malaysia bagi tahun 2014 sudah melaporkan terdapat dua juta kanak-kanak berusia lima hingga lapan belas tahun di Malaysia mengalami masalah kesihatan mental seperti kecacatan perkembangan, gangguan emosi dan tingkah laku (Aniza Zainudin, 2018; Ephgrave 2018).

Data yang dibentangkan amat merisaukan kerana kanak-kanak adalah aset negara yang memerlukan pendidikan khusus dan secukupnya (JKM, 2016). Oleh itu, Pakar Psikiatri Kanak-Kanak, Prof Madya Dr Fairuz Nazri Abd Rahman menyatakan interaksi sosial perlu digalakkan antara kanak-kanak dengan ibu bapa demi membina pertumbuhan mental yang sihat (Aniza Zainudin, 2018; Ephgrave, 2018). Tambahan lagi, masa yang paling sesuai untuk mengenalpasti masalah emosi mahupun keceluaran tingkah laku kanak-kanak dari segala aspek perkembangan adalah ketika mereka berada dalam fasa tadika (Poulou, 2017; Siti Zaharah Ahmad, Lee Jun Choi & Sawan@ Mohammad Syawal Narawi, 2018). Berdasarkan penyataan tersebut, perkembangan mental perlu dirangsang oleh orang dewasa yang hadir dalam kehidupan kanak-kanak dan individu yang banyak meluangkan masa dengan kanak-kanak selain ibu bapa adalah guru tadika. Peranan guru tadika amat penting dalam perkembangan emosi kanak-kanak pada awal usia kanak-kanak kerana masa mereka juga banyak diluangkan di tadika.

Tidak dapat dinafikan juga, kanak-kanak yang mengalami masalah tingkah laku seperti agresif, tidak menentu dan negatif memerlukan tumpuan yang khusus dari guru kerana guru adalah penyumbang emosi yang penting dalam menyediakan suasana pembelajaran yang dapat meningkatkan kecekapan emosi dan psikologi kepada murid supaya dapat mengelakkan mereka daripada berkait dengan masalah tingkah laku (Denham, Bassett, & Zinsser, 2012; Siti Zaharah Ahmad, Lee Jun Choi & Sawan@ Mohammad Syawal Narawi, 2018). Jadi, bagi mencegah masalah emosi mahupun kelakuan agresif dalam kalangan kanak-kanak, guru dapat menyumbang dalam mengenalpasti emosi yang diekspresikan oleh kanak-kanak tersebut (Ephgrave, 2018). Harvey, Bimler, Evans, Kirkland, & Pechtel (2012) menyatakan bahawa

kesejahteraan emosi guru mampu memberi pengaruh kepada emosi pelajar. Emosi guru yang positif akan membawa kepada emosi kanak-kanak yang baik dan ceria. Sekiranya persekitaran mereka baik, maka baiklah sahsiahnya. Justeru, guru perlu mempamerkan sahsiah dan nilai yang murni ketika berinteraksi dengan kanak-kanak serta perlu pandai mengawal emosi mereka sendiri ketika berhadapan dengan tekanan kerja. Pernyataan di atas jelas menerangkan kepentingan kecerdasan emosi seseorang guru dalam membina hubungan dan interaksi positif bersama kanak-kanak.

Namun begitu, terdapat guru yang lemah dalam mengendalikan emosi mereka seperti mudah naik angin, cepat marah, suka berleter dan akhirnya mempengaruhi tingkah laku pelajar (Mohd Khairuddin et al. 2014). Kecerdasan emosi seorang guru dalam pengajaran harian dalam kelas dan ketika berinteraksi dengan kanak-kanak dipandang ringan kerana kurang pendedahan serta kemahiran kecerdasan emosi diambil mudah dalam diri guru pendidikan awal kanak-kanak di peringkat tadika mahupun taska (Eisenman, Edwards & Cushman, 2015). Selain itu, kebanyakan kajian kecerdasan emosi banyak dijalankan untuk guru yang berada di institusi pengajian tinggi seperti kolej, sekolah menengah, dan sekolah rendah (Supardi et al, 2016; Siti Zaharah Ahmad, Lee Jun Choi & Sawan@ Mohammad Syawal Narawi, 2018). Kajian mengenai bagaimana guru pendidikan awal kanak-kanak mengawal emosi mereka supaya tidak menjelaskan pengajaran dan perhubungan kepada kanak-kanak masih kurang dilaksanakan (Karabay, 2019). Menurut Kotaman (2016), kajian mengenai kemahiran kecerdasan emosi dalam diri guru perlu lebih giat dijalankan kerana masyarakat perlu sedar akan kepentingan mengenal emosi dan menangani emosi sendiri dan juga orang lain, terutamanya guru tadika kerana mereka perlu berhadapan dengan kanak-kanak yang masih belum mengenal dan mengawal emosi sendiri. Guru tadika seharusnya mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi dalam mendidik kanak-kanak memandangkan guru berperanan besar dalam membina hubungan dengan kanak-kanak. Sehubungan dengan itu, kajian ini memfokuskan untuk:

1. mengenal pasti tahap kecerdasan emosi guru
2. mengenalpasti tahap kebolehan mengenali emosi guru, tahap mengurus emosi guru, tahap motivasi guru, tahap empati guru dan tahap perhubungan sosial guru.

Sorotan Literatur

Kajian ini mengambil kira teori kecerdasan emosi yang menyatakan emosi yang terhasil dipengaruhi oleh persekitaran, keadaan fisiologikal dan proses kognitif seseorang individu yang mana emosi tersebut dikawal dan diadaptasi dalam proses kognitif yang utama (Mok Soon Sang, 2010, 25). Menurut S.Schachter dan J. Singer (1962) dalam Mok Soon Sang (2010), emosi dibentuk adalah berdasarkan dua faktor iaitu rangsangan yang menimbulkan perubahan kognitif fisiologikal individu dalam menghasilkan emosi dan juga bagaimana individu itu mentafsirkan perubahan perasaan mereka sendiri untuk menentukan konotasi emosi. Justeru, kecerdasan emosi adalah kemahiran yang boleh dipelajari oleh orang dewasa dan kanak-kanak yang mana kemahiran ini menggunakan kesedaran setiap individu dalam mengenali perasaan diri sendiri dan orang lain bagi mengawal selia tindakan atau situasi dengan lebih baik (O'Rourke, 2018). Daniel Goleman (1998,2001) dalam Powell & Powell (2013) telah

menggariskan lima kategori kecerdasan emosi iaitu kebolehan mengenali emosi diri sendiri, kebolehan mengurus emosi, kebolehan motivasi diri, kemahiran membaca emosi orang lain dan kebolehan mengurus hubungan.

Kemahiran atau konstruk dalam kecerdasan emosi disentuh dalam kajian Nazri Halim & Yaakob Daud (2017) yang bertujuan untuk mengetahui pengaruh kecerdasan emosi terhadap stail disiplin guru sekolah rendah. Teori yang dikaitkan adalah teori kecerdasan emosi yang merangkumi kelima-lima konstruk yang sudah diperkatakan. Hasil kajian mendapati kecerdasan emosi dan efikasi diri guru penting sebagai penghubung kepada stail disiplin. Konstruk dalam kecerdasan emosi yang dibincangkan mempunyai perkaitan kepada daya ketahanan guru dalam melakukan tugas dan menguruskan masalah disiplin. Efikasi guru juga mempunyai pengaruh kuat dalam kecerdasan emosi guru. Oleh itu, guru yang mempunyai kekuatan emosi yang stabil dan kuat dapat atasi masalah disiplin. Kecerdasan emosi guru tadika dapat dikaitkan juga dengan kajian ini kerana ia melibatkan daya tahan seorang guru dalam mendidik kanak-kanak dan pengawalan kelas.

Setiap individu mempunyai kecerdasan emosi yang berbeza-beza mengikut personaliti dan bebanan kerja yang mereka hadapi. Kajian Dhani, Sehrawat & Sharma (2016) mengenai kecerdasan emosi memperkatakan mengenai faedah mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi iaitu pekerja yang mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi menunjukkan prestasi yang bagus apabila bekerja dalam kumpulan, menepati masa dan lebih berdedikasi dalam melaksanakan tugas mereka. Ini dapat dikaitkan dengan profesion perguruan kerana guru terlibat dengan pelbagai kelompok individu yang terdiri daripada lapisan masyarakat. Guru tadika adalah individu yang memerlukan interaksi dengan pelbagai pihak, bekerja dalam kumpulan dan perlu menunjukkan komitmen yang tinggi apabila mendidik kanak-kanak serta berurusan dengan ibu bapa. Guru yang mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi mampu menunjukkan prestasi yang bagus (Supardi et al., 2016).

Kawalan emosi oleh guru penting kerana terdapat hubungan kuat antara emosi dan proses kognitif yang berlaku dalam kehidupan harian. Ini menunjukkan bahawa emosi guru mampu mempengaruhi keadaan pembelajaran dalam kelas. Kemahiran guru dalam mengendalikan emosi mereka sendiri membantu untuk mencapai objektif pembelajaran kerana kawalan kelas yang baik terhasil daripada imej yang ditonjolkan. Imej dan personaliti yang ceria membina hubungan baik dan rapat dengan kanak-kanak. Karabay (2019) menekankan kepentingan guru untuk mengenal emosi orang lain iaitu kanak-kanak supaya mereka dapat respon kepada keperluan kanak-kanak tersebut. Ini dapat dikaitkan dengan aspek empati dalam kecerdasan emosi. Kajian ini merungkaikan tiga aspek kecerdasan emosi sahaja iaitu mengenali emosi, mengurus emosi dan empati. Ini memberi peluang kepada penyelidik untuk menyiasat dua aspek lain yang tidak dikaji iaitu motivasi dan perhubungan sosial terhadap perhubungan kanak-kanak.

Selain itu, kecerdasan emosi mampu mempengaruhi gaya pengajaran seorang guru dan seterusnya memberi manfaat kepada kualiti pendidikan (Öznacar, Yilmaz & Güven, 2017). Kecerdasan emosi seorang guru mampu membentuk sikap guru yang positif atau negatif apabila berhadapan dengan murid di sekolah rendah. Kajian ini memberi ruang untuk penyelidik mengetahui tahap kecerdasan emosi guru tadika berlandaskan lima aspek yang terdapat dalam kecerdasan emosi. Tambahan lagi, cadangan yang disyorkan oleh penyelidik lepas adalah

dengan mengenalpasti kelompok responden yang berbeza. Guru tadika perlu mahir dalam mengawal emosi mereka di samping membentuk mood kanak-kanak supaya seronok untuk belajar dan datang ke sekolah.

Manakala, kajian oleh Kotaman (2016) mendapati bahawa gaya asuhan ibu bapa membawa pengaruh kepada kecerdasan emosi bakal guru pendidikan awal kanak-kanak. Tahap kecerdasan emosi bakal guru pendidikan awal kanak-kanak dalam kajian ini diukur dalam tiga skop iaitu kemahiran mengenali emosi, memahami emosi dan mengawal selia emosi. Hasil kajian menunjukkan tahap kecerdasan emosi guru adalah pada tahap sederhana dan tidak menunjukkan perbezaan walaupun tahap pendidikan mereka berbeza. Kajian ini hanya membincangkan tiga aspek sahaja dalam kecerdasan emosi yang mana tidak melibatkan motivasi dan perhubungan sosial serta tertumpu kepada bakal guru pendidikan awal kanak-kanak dan bukan guru tadika. Penyelidik ingin mengkaji dua aspek ini kerana profesi perguruan adalah kerja yang melibatkan pelbagai pihak dan memerlukan motivasi yang tinggi untuk berurusan dengan pihak luar.

Kecerdasan emosi yang tinggi mampu menjadikan seorang guru mengawal emosi mereka, lebih berempati dengan pelajar, lebih pandai menyesuaikan diri dengan masalah serta dapat memberikan contoh terbaik dari segi pengurusan emosi kepada kanak-kanak. Penyataan ini adalah hasil daripada kajian oleh Supardi et al., (2016) yang membincangkan tahap kecerdasan emosi guru pelatih Teknikal Vokasional. Lima aspek kecerdasan emosi telah dibahagikan kepada dua iaitu intrapersonal dan interpersonal. Kajian ini menekankan keupayaan mengenal emosi orang lain akan meningkatkan tahap kecerdasan emosi dalam individu. Walaupun kecerdasan emosi melalui kelima-lima aspek telah dilihat, namun kajian ini hanya berfokuskan kepada guru pelatih di institusi Kolej Teknikal Vokasional sahaja dan tidak mengkaji mengenai hubungan yang terjalin antara guru tersebut dengan pelajar mereka.

Berdasarkan kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan kecerdasan emosi, penyelidik mendapati kajian Rizalina Mat Radzi (2014) menyatakan guru dan ibu bapa memainkan peranan penting dalam membantu perkembangan sosioemosi kanak-kanak. Kajian beliau menekankan peranan individu yang berada di persekitaran kanak-kanak dalam membantu perkembangan sosioemosi kanak-kanak dan salah satunya adalah guru. Guru dapat membantu kanak-kanak dalam lima elemen perkembangan kanak-kanak iaitu kerjasama, yakin diri dan berani, kebolehan berinteraksi, sabar dan bertolak ansur. Ini menunjukkan bahawa guru tadika perlu mempunyai kemahiran untuk membantu kanak-kanak tersebut. Salah satunya adalah kemahiran kecerdasan emosi. Jadi, penyelidik ingin mengenalpasti elemen dalam kecerdasan emosi yang lebih tinggi dalam kalangan guru tadika.

Kecerdasan emosi guru berkait rapat dengan kaedah para guru mengenal emosi mereka sendiri, mengawal emosi mereka di samping membina hubungan yang baik dengan semua lapisan masyarakat. Kemahiran ini amat penting untuk seorang guru, apatah lagi guru tadika kerana apabila guru mempunyai kemahiran kecerdasan emosi yang tinggi, mereka dapat mengawal kelas dengan baik, membantu kanak-kanak mengenal dan meluahkan emosi dan perasaan mereka dengan jujur apabila bersama guru dan membentuk hubungan positif. Kajian-kajian ini memberi ruang kepada penyelidik untuk menyiasat kelima-lima konstruk dalam kecerdasan emosi kerana kajian oleh Nazri Halim dan Yaakob Daud (2017) tidak menyiasat mengenai kemahiran motivasi diri dan kajian oleh Kotaman (2016) hanya mengkaji tiga

konstruk sahaja. Manakala, kajian Karabay (2019) merungkaikan tiga aspek kecerdasan emosi sahaja iaitu mengenali emosi, mengurus emosi dan empati. Ini memberi peluang kepada penyelidik untuk menyiasat dua aspek lain yang tidak dikaji iaitu motivasi dan perhubungan sosial terhadap perhubungan kanak-kanak.

Terdapat kajian-kajian lepas yang mengkaji mengenai kecerdasan emosi guru sekolah. Namun begitu, kajian yang melibatkan guru tadika dan hubungkaitnya dengan hubungan kanak-kanak masih kurang dijalankan dan terdapat kajian menyarankan untuk menjalankan kajian dengan menggunakan responden yang terdiri daripada pelbagai latar belakang pekerjaan (Supardi et al., 2016). Kajian yang dijalankan oleh Konrad & Gabrijelčič (2014) menyatakan kursus atau program untuk memberi kemahiran mendalam mengenai kecerdasan emosi dalam diri guru masih berkurangan walaupun manfaatnya besar. Ini menunjukkan bahawa kemahiran kecerdasan emosi dalam diri guru kurang diambil kira dan perlu lebih giat dijalankan.

Metodologi

Kajian ini berbentuk kajian kuantitatif iaitu kajian tinjauan. Menurut Ghazali Darusalam & Sufean Hussain (2018), kajian tinjauan bermaksud membuat tinjauan dan dilaksanakan di lokasi sebenar bagi mendapatkan data dan bukti kejadian. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk meninjau persepsi guru terhadap tahap kecerdasan emosi mereka yang merangkumi kebolehan guru dalam mengenali emosi, pengurusan emosi guru, motivasi guru, empati guru dan perhubungan sosial guru. Sebanyak dua jenis instrumen yang digunakan dalam kajian ini. Borang soal selidik diedar di tadika PASTI di dua kawasan di daerah Kuantan iaitu Kuantan dan Paya Besar. Pemilihan guru tadika PASTI adalah kerana PASTI terus berkembang dengan penambahan kelas di seluruh negara dan baru-baru ini pada tahun 2019, tadika PASTI telah berkembang menjadi 2300 tadika seluruh negara menjadikan jumlah murid telah mencecah lebih 130 000 orang dan bilangan guru seluruh negara adalah 7500 orang yang terlatih. Ini menjadikan tadika PASTI boleh dianggap tadika swasta yang berjaya dan mendapat tempat di hati ibu bapa untuk menghantar anak mereka ke sekolah (Pasti, 2014; Mohd. Azam Abd Samat, 2019). Data yang diperoleh dianalisis menggunakan aplikasi *Statistical Package for Social Science (SPSS)* Versi 23.

Sampel kajian diambil daripada populasi yang menggambarkan kedudukan keseluruhan setiap satu individu dalam satu kelompok (Ghazali Darusalam & Sufean Hussain, 2018, 101). Populasi kajian guru tadika PASTI di dua kawasan di daerah Kuantan iaitu Kuantan dan Paya Besar adalah seramai 145 orang. Berdasarkan jadual Krejcie dan Morgan (1970), sampel kajian yang diperlukan adalah seramai 106 responden. 124 instrumen soal selidik telah diedarkan oleh penyelidik kepada tadika PASTI yang terlibat dalam kajian ini. Namun begitu, penyelidik hanya menerima 113 instrumen daripada 124 soal selidik yang telah diedarkan. Terdapat satu soal selidik tidak dapat digunakan kerana responden tidak mengisi kesemua item yang terdapat dalam instrumen soal selidik dengan lengkap. Sebelum analisis statistik dijalankan, pengkaji telah melakukan ujian normaliti untuk melihat sama ada data tersebut menepati taburan normal atau tidak. Penyelidik membuang dua instrumen soal selidik bagi memastikan hasil keseluruhan analisis berada pada data yang normal. Oleh itu, kajian ini hanya menggunakan 110 set soal selidik untuk mendapatkan kajian yang mempunyai kebolehpercayaan dan kesahan yang

tinggi. Jenis pensampelan yang digunakan adalah pensampelan rawak mudah berdasarkan senarai nama tadika PASTI yang diperoleh daripada PASTI Malaysia. Penyelidik memilih sampel secara rawak berdasarkan populasi yang diketahui supaya lebih adil terhadap satu sama lain.

Instrumen kajian ini diadaptasi daripada kajian Tahap Kecerdasan Emosi Guru Pelatih Teknikal dan Vokasional di Sekolah Menengah Kejuruan (SMK) oleh Supardi et al.,(2016). Bahagian ini melibatkan lima konstruk utama dalam kecerdasan emosi iaitu keupayaan mengenal emosi sendiri, keupayaan mengurus emosi, motivasi, keupayaan empati dan perhubungan sosial.

Penyelidik menggunakan analisis deskriptif untuk menganalisis maklumat demografi seperti jantina, taraf perkahwinan, kelayakan akademik dan pengalaman mengajar. Bagi menentukan tahap kecerdasan emosi guru, analisis statistik deskriptif dan skor min digunakan. Soal selidik bagi tahap kecerdasan emosi guru tadika terdiri daripada 25 item yang berbentuk skala likert lima mata. Setiap item diukur menggunakan tahap persetujuan skala likert iaitu 1 = sangat tidak setuju (SS), 2 = tidak setuju (TS), 3 = hampir setuju (HP), 4 = setuju (S) dan 5 = sangat setuju (ST). Interpretasi skor min bagi melihat tahap kecerdasan emosi guru diterjemah dalam bentuk jadual di bawah.

Jadual 1.0 Interpretasi Skor Min dan Tahap Kecerdasan Emosi Guru Tadika

Skor Min	Tahap	Interpretasi
1.00 – 2.33	Rendah	Kurang berkemahiran dalam menguruskan emosi sendiri
2.34 – 3.66	Sederhana	Mampu menguruskan emosi sendiri
3.67 – 5.00	Tinggi	Sangat berkemahiran dalam menguruskan emosi sendiri

Hasil Kajian dan Perbincangan

Kajian ini telah dijalankan terhadap 110 responden guru PASTI di daerah Kuantan. Maklumat responden diperolehi berdasarkan maklum balas dalam borang soal selidik.

Jadual 1.1 Maklumat Demografi Guru PASTI

Maklumat Demografi	Kategori	Kekerapan	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	0	0
	Perempuan	110	100
Taraf Perkahwinan	Sudah Berkahwin	48	43.6
	Belum Berkahwin	62	56.4
Kelayakan Akademik	SPM	35	31.8
	STPM / STAM/ Matrikulasi / Asasi / Diploma	60	54.5
	Ijazah Sarjana Muda	13	11.8
	Ijazah Sarjana	2	1.8

	Sarjana	0	0
	Lain- lain	0	0
Pengalaman Mengajar	5 tahun ke bawah	78	70.9
	5 – 10 tahun	25	22.7
	10 – 15 tahun	5	4.5
	15 – 20 tahun	2	1.8

Jumlah sampel mendapati seramai 110 orang (100%) adalah guru perempuan. Terdapat 62 orang guru (56.4%) yang belum berkahwin dan 48 orang guru (43.6%) yang sudah berkahwin. Majoriti guru mempunyai kelulusan STPM / STAM/ Matrikulasi / Asasi / Diploma iaitu seramai 60 orang guru (54.5%), diikuti guru yang memiliki kelulusan akademik dalam SPM iaitu seramai 35 orang guru (31.8%). Terdapat 13 orang guru (11.8%) yang memiliki Ijazah Sarjana Muda dan 2 orang guru (1.8%) yang memiliki kelulusan akademik dalam Ijazah Sarjana. Manakala tidak terdapat guru yang memiliki kelulusan akademik dalam Sarjana dan lain-lain. Jadual 1.1 menunjukkan majoriti guru mempunyai pengalaman mengajar 5 tahun ke bawah iaitu seramai 78 orang guru (70.9%) diikuti guru yang berpengalaman antara 5 hingga 10 tahun iaitu seramai 25 orang guru (22.7%). Seterusnya, terdapat 5 orang guru (4.5%) yang berpengalaman antara 10 – 15 tahun dan 2 orang guru (1.8%) yang berpengalaman sebanyak 15 hingga 20 tahun.

Tahap Kecerdasan Emosi Guru PASTI

Jadual 1.2 Taburan Min dan Sisihan Piawai Tahap Kecerdasan Emosi Guru PASTI

Nilai Min	Frekuensi	Peratus	Tahap
< 2.33	0	0	Rendah
2.34 – 3.66	18	16.4	Sederhana
> 3.66	92	83.6	Tinggi

Berdasarkan jadual 1.2, secara keseluruhan hasil analisis menunjukkan majoriti guru PASTI iaitu seramai 92 orang guru (83.6%) mempunyai tahap kecerdasan emosi yang tinggi diikuti 18 orang guru (16.4%) mempunyai tahap kecerdasan emosi yang sederhana. Tiada seorang guru yang memiliki tahap kecerdasan rendah. Secara keseluruhan, tahap kecerdasan emosi guru tadika di PASTI berada di tahap tinggi ($\text{min}= 4.059$, $\text{sp}= 0.424$). Hasil kajian ini menunjukkan tahap kecerdasan emosi yang terdapat dalam diri guru adalah tinggi menjelaskan bahawa responden yang terlibat dalam kajian ini mempunyai tahap kecerdasan emosi yang tinggi. Ini memberikan gambaran bahawa guru tadika PASTI sangat mahir dalam mengendalikan emosi mereka sendiri dan juga kanak-kanak. Hasil dapatan ini selaras dengan kajian yang telah dilaksanakan oleh Dhani, Sehrawat & Sharma (2016). Mereka berpendapat bahawa kecerdasan emosi yang tinggi mampu membawa kepada hasil kerja yang bagus. Ini dapat dikaitkan juga dengan kecerdasan emosi guru yang tinggi mampu menghasilkan kerja yang bagus (Supardi, Mohamed Nor Azhari Azman, Ramlee Mustapha, Ridzwan Che Rus & Che Ghani Che Kob, 2016).

Jadual 1.3 Taburan Min Dan Sisihan Piawai Bagi 5 Konstruk dalam Kecerdasan Emosi

Item	Min (M)	Sisihan Piawai (SP)	Interpretasi
Mengenal Emosi	4.035	0.534	Tinggi
Mengurus Emosi	3.864	0.522	Tinggi
Motivasi Diri	4.082	0.519	Tinggi
Empati	4.167	0.477	Tinggi
Perhubungan sosial	4.147	0.504	Tinggi

Dapatkan mendapati tahap bagi kelima-lima elemen dalam kecerdasan emosi berada pada tahap tinggi. Responden dalam kajian ini bersetuju bahawa elemen empati ($\text{min}=4.167$) dalam kecerdasan emosi adalah paling tinggi berbanding elemen lain dan diikuti elemen perhubungan sosial (4.147), motivasi (4.082), kenal emosi mereka sendiri ($\text{min}=4.035$) dan akhir sekali adalah kemahiran menguruskan emosi ($\text{min}=3.864$).

Konstruk Mengenali Emosi Guru

Jadual 1.4 Taburan Min Dan Sisihan Piawai Bagi Sub Konstruk Mengenal Emosi

Item	Min (M)	Sisihan Piawai (SP)
1. Saya mengenali perubahan psikologi yang berlaku pada diri saya	4.009	0.784
2. Saya dapat mengenali emosi saya	4.109	0.770
3. Saya memahami maklumat yang dapat mempengaruhi diri saya	3.864	0.566
4. Saya tahu kesan sikap saya ke atas orang lain	4.109	0.682
5. Saya sedar apabila berlaku komunikasi yang tidak sehaluan	4.082	0.731
Nilai Purata	4.035	0.534

Hasil dapatkan yang diperoleh daripada sub konstruk mengenal emosi, didapati skor min tertinggi pada item dua dan item empat. Majoriti responden memilih bersetuju bahawa mereka mengenali emosi mereka sendiri ($m=4.109$, $sp=0.770$) dan mereka tahu kesan sikap mereka kepada diri orang lain ($m=4.109$, $sp=0.682$) sehingga skor nilai min adalah tinggi berbanding item lain. Manakala item tiga (3) adalah skor min terendah apabila menunjukkan responden kurang memahami maklumat yang dapat mempengaruhi diri mereka sendiri ($m=3.864$, $sp=0.566$). Berdasarkan kajian, tahap guru mengenali emosi mereka juga tinggi. Guru tadika di PASTI dapat mengenali emosi mereka sendiri dan mereka sedar bahawa setiap kesan dan tingkah laku mereka akan memberi kesan kepada orang lain. Penyataan ini adalah penyataan yang paling tinggi dalam elemen mengenali emosi. Ini menjelaskan bahawa responden guru di tadika PASTI faham dan kenal emosi mereka sendiri ketika berada dalam suasana pembelajaran. Kajian daripada Kotaman (2016) ada menyebut bakal guru perlu ada kemahiran untuk mengenali emosi diri sendiri dan juga orang lain untuk mendidik kanak-kanak ketika

berada di tadika. Guru yang faham dan kenal emosi mereka sendiri mampu memberikan pendidikan emosi yang baik kepada kanak-kanak (Poulou, 2017).

Konstruk Mengurus Emosi

Jadual 1.5 Taburan Min Dan Sisihan Piawai Bagi Sub Konstruk Mengurus Emosi

Item		Min (M)	Sisihan Piawai (SP)
1. Saya mampu membuat Keputusan dalam keadaan tegang	3.164	1.027	
2. Saya sedia mengaku kesalahan diri	4.082	0.692	
3. Saya berfikir mengikut keutamaan sebelum bertindak	4.045	0.759	
4. Saya dapat menguruskan tekanan yang dialami dengan baik	3.791	0.679	
5. Saya memujuk diri sendiri untuk menerima sesuatu keadaan	4.236	0.634	
Nilai Purata	3.864	0.522	

Hasil dapatan yang diperoleh daripada sub konstruk mengenal emosi, didapati skor min tertinggi pada item lima ($m= 4.236$, $sp= 0.634$) iaitu majoriti responden memilih bersetuju bahawa cara mereka mengurus emosi mereka adalah dengan memujuk diri sendiri untuk menerima sesuatu keadaan sehingga skor nilai min adalah tinggi berbanding item lain. Manakala skor min terendah adalah item satu yang menunjukkan responden kurang mampu membuat keputusan dalam keadaan tegang ($m= 3.164$, $sp= 1.027$). Walaupun tahap pengurusan emosi berada pada tahap tinggi, kajian ini menunjukkan bahawa guru lebih mahir dalam empati berbanding pengurusan emosi. Hal ini demikian kerana pengurusan emosi mempunyai skor min yang paling rendah berbanding elemen lain. Guru tadika di PASTI bersetuju bahawa mereka menguruskan emosi mereka dengan memujuk diri mereka untuk menerima sesuatu keadaan yang berlaku. Item ini adalah item yang paling tinggi dalam elemen pengurusan emosi. Ini menunjukkan guru tadika di PASTI menguruskan emosi mereka dengan cara pujuan dan memotivasi diri mereka secara dalaman. Pengurusan emosi oleh guru mampu menjadikan emosi lebih stabil dan memengaruhi cara seseorang guru itu bertindak dalam menangani masalah kanak-kanak. Ini berkait rapat dengan kajian Nazri Halim & Yaakob Daud (2017) yang menyatakan bahawa guru dapat mengatasi masalah disiplin sekolah kerana mempunyai daya tahan dalam menguruskan masalah disiplin.

Konstruk Motivasi Diri

Jadual 1.6 Taburan Min dan Sisihan Piawai Bagi Sub Konstruk Motivasi Diri

	Item	Min (M)	Sisihan Piawai (SP)
1. Saya bersungguh-sungguh mendapatkan sesuatu yang diinginkan	4.327	0.607	
2. Saya cepat berdamai selepas berlaku perselisihan	4.073	0.673	

3. Saya berjaya mencapai matlamat walaupun terdapat halangan	3.845	0.706
Nilai Purata	4.082	0.519

Skor min tertinggi dalam sub konstruk motivasi diri adalah pada item satu ($m= 4.327$, $sp= 0.607$) iaitu majoriti responden bersetuju bahawa mereka bersungguh-sungguh mendapatkan sesuatu yang mereka inginkan sehingga skor nilai min adalah tinggi berbanding item lain. Manakala item tiga adalah skor min terendah yang menunjukkan responden kurang bersetuju bahawa mereka berjaya mencapai matlamat walaupun terdapat halangan ($m= 3.845$, $sp= 0.706$). Motivasi guru yang ditunjukkan dalam kajian ini juga berada pada tahap yang tinggi dan guru tadika di PASTI bersetuju bahawa mereka bersungguh-sungguh mendapatkan sesuatu yang mereka inginkan. Item tersebut adalah item yang menunjukkan skor min yang paling tinggi dan ini menunjukkan bahawa guru tadika PASTI mempunyai motivasi yang tinggi untuk bekerja. Motivasi yang tinggi menjadikan kerja yang dihasilkan lebih bagus dan cemerlang selaras dengan kajian Nazri Halim & Yaakob Daud (2017) dan Dhani, Sehrawat & Sharma (2016) yang menunjukkan bahawa individu yang mempunyai kebolehan untuk memberi semangat positif terhadap dirinya sendiri untuk mencapai hala tuju mereka adalah individu yang bermotivasi tinggi. Guru yang bermotivasi tinggi dapat menjadikan suasana pembelajaran di dalam kelas lebih bersemangat dan dapat menggalakkan penglibatan aktif kanak-kanak (Supardi et al., 2016).

Konstruk Empati

Jadual 1.7 Taburan Min dan Sisihan Piawai Bagi Sub Konstruk Empati

Item	Min (M)	Sisihan Piawai (SP)
1. Saya membina kesepakatan dengan orang lain	4.200	0.688
2. Saya mahir berhubung dengan orang lain dengan berkesan	3.873	0.651
3. Saya berjaya membentuk kumpulan sokongan untuk membantu saya melaksanakan sesuatu tugas	3.827	0.715
4. Saya terdorong untuk membantu seseorang apabila melihat mereka menderita atau dalam kesusahan	4.364	0.674
5. Saya prihatin terhadap perasaan orang lain	4.255	0.710
6. Saya bersedia mendengar masalah yang diceritakan oleh orang lain	4.482	0.602
Nilai Purata	4.167	0.477

Hasil dapatan menunjukkan skor min tertinggi dalam sub konstruk empati adalah responden bersedia mendengar masalah yang diceritakan oleh orang lain ($m= 4.482$, $sp= 0.602$). Manakala skor min terendah adalah item tiga yang menunjukkan responden kurang berjaya membentuk kumpulan sokongan untuk membantu mereka melaksanakan sesuatu tugas ($m= 3.827$, $sp= 0.715$). Kajian ini menjelaskan sifat empati tinggi dalam diri guru kerana responden bersetuju bahawa mereka perlu meletakkan diri mereka berada di situasi kanak-kanak agar

kanak-kanak berasa gembira dan seronok untuk hadir ke kelas. Guru dalam kajian ini bersedia mendengar masalah yang diceritakan oleh orang lain. Penyataan ini adalah item yang menunjukkan tahap paling tinggi dalam konstruk empati. Ini menunjukkan bahawa guru tadika PASTI bersedia mendengar masalah yang diceritakan oleh orang lain dan semestinya kanak-kanak adalah salah satu cabangnya. Kajian Karabay (2019) menyokong hasil dapatan kajian ini kerana kebolehan empati sangat penting dalam suasana yang melibatkan kanak-kanak. Kanak-kanak berasa selamat apabila individu yang memahami perasaan dan emosi mereka berada di samping mereka (Ephgrave, 2018).

Konstruk Perhubungan Sosial

Jadual 1.8 Taburan Min Dan Sisihan Piawai Bagi Sub Konstruk Perhubungan Sosial

Item				Min (M)	Sisihan Piawai (SP)
1. Saya mudah berkongsi idea atau maklumat jika diperlukan				4.209	0.718
2. Saya dapat menerima pendapat orang lain dengan hati yang terbuka				4.227	0.700
3. Saya boleh berkomunikasi dengan baik dengan orang lain				4.173	0.648
4. Saya berjaya menjadikan orang selesa apabila bergaul dengan saya				3.936	0.733
5. Saya memberi sokongan dan nasihat kepada mereka yang memerlukan				4.091	0.685
6. Saya berjaya mengekalkan hubungan baik bersama kawan-kawan				4.245	0.652
Nilai Purata				4.147	0.504

Skor min tertinggi dalam sub konstruk perhubungan sosial adalah pada item enam iaitu majoriti responden bersetuju bahawa mereka berjaya mengekalkan hubungan baik bersama kawan-kawan ($m= 4.245$, $sp= 0.652$). Manakala item empat adalah skor min terendah yang menunjukkan responden kurang berjaya menjadikan orang selesa bergaul dengan diri mereka ($m= 3.936$, $sp= 0.733$). Kajian ini mendapati perhubungan sosial dalam kajian ini tinggi. Guru yang terlibat dalam kajian ini bersetuju bahawa mereka dapat mengekalkan hubungan baik bersama orang lain. Item ini mempunyai skor min yang paling tinggi dalam elemen perhubungan sosial dan menunjukkan bahawa guru tadika PASTI berkemahiran dalam menjaga hubungan mereka dengan orang sekeliling. Mereka tidak mempunyai masalah dalam menjalankan hubungan dan boleh mengekalkan hubungan tersebut. Kajian lepas menyatakan bahawa guru perlu pandai menjalankan hubungan baik dan memuaskan hati pelbagai pihak supaya suasana yang dihasilkan sentiasa berada dalam keadaan positif (Supardi et al., 2016).

Limitasi dan Kajian Akan Datang

Kemahiran guru dalam mengenali, mengurus emosi, motivasi guru, empati kepada kanak-kanak dan bagaimana mereka cuba berinteraksi dengan kanak-kanak amat penting. Faktor-faktor ini menjadikan guru lebih mahir untuk kanak-kanak berasa selamat dan seterusnya yakin untuk menjadi lebih rapat dengan guru. Dicadangkan kajian lanjutan dijalankan di kawasan lain seperti kawasan luar bandar agar mendapat gambaran situasi keseluruhan berkaitan kecerdasan emosi guru tadika. Hal ini demikian kerana dapatkan kajian boleh berubah mengikut keadaan dan lokasi semasa. Selain itu, kajian seterusnya disarankan untuk mengambil pandangan guru tadika daripada pelbagai institusi lain seperti guru tadika KEMAS, PERPADUAN dan PRASEKOLAH. Hal ini demikian kerana penyelidik berpendapat faktor demografi guru yang tidak dikaji dalam kajian ini turut menyumbang kepada pemahaman akan emosi guru dan dapat membantu kemahiran mereka ketika berhadapan dengan kanak-kanak. Gambaran lebih jelas akan terhasil sekiranya menggunakan saiz sampel yang lebih besar dan pelbagai. Kajian ini juga boleh dijalankan untuk mengenalpasti tahap kecerdasan emosi ibu bapa terhadap kanak-kanak. Kepelbagaiannya peringkat dan jenis responden dapat memberi gambaran penuh mengenai kajian ini. Penyelidik mencadangkan agar kajian lanjutan berkenaan kecerdasan emosi guru dengan kanak-kanak dapat dijalankan secara kaedah kualitatif iaitu berbentuk temubual, pemerhatian dan analisis dokumen bagi melihat kemahiran kecerdasan emosi guru di tadika supaya dapat mengenal pasti dengan lebih mendalam akan pengaruh kemahiran kecerdasan emosi guru. Melalui temubual, penyelidik dapat mengenalpasti masalah sebenar yang dihadapi oleh guru-guru ketika berhadapan dengan kanak-kanak.

Kesimpulan

Menerusi kajian ini, guru perlu faham akan emosi mereka sendiri dan dapat mengurus emosi mereka dengan baik serta dapat mengelakkan daripada memberi maklum balas negatif kepada kanak-kanak yang mana akan mewujudkan rasa kurang percaya kanak-kanak kepada mereka. Justeru, kecerdasan emosi guru dalam amat penting untuk dikaji. Lima dimensi dalam kecerdasan emosi menunjukkan bahawa tahap emosi guru berada dalam tahap tinggi dan memuaskan. Guru berusaha untuk menampilkan imej yang positif dan ceria ketika berada dalam kalangan kanak-kanak dan di dalam kelas. Keupayaan guru dalam kemahiran kecerdasan emosi perlu ditingkatkan lagi supaya guru tidak berasa tertekan ketika berada dalam kelas. Melalui pembabitan dan pemahaman guru dalam emosi mereka sendiri mampu mengelakkan hubungan kurang selamat dengan kanak-kanak.

Rujukan

- Aniza Zainudin. (2018, 15 April). Autisme masalah paling popular. *My Metro: New Straits Times Press (M) Bhd.* Diambil daripada <https://www.hmetro.com.my/sihat/2018/04/330789/autisme-masalah-paling-popular>

- Dhani, P., Sehrawat, A., & Sharma, T. (2016). Relationship between Emotional Intelligence and Job Performance: A Study in Indian Context. *Indian Journal of Science and Technology*, Vol 9(47). DOI: 10.17485/ijst/2016/v9i47/103064
- Denham, S. A., Bassett, H. H., & Zinsser, K. (2012). Early Childhood Teachers as Socializers of Young Children's Emotional Competence. *Early Childhood Education Journal* 40(3):137-143. DOI:10.1007/s10643-012-0504-2
- Eiseman, G., Edwards, S. & Cushman, C.A. (2015). Bringing Reality to Classroom Management In Teacher Education. *Professional Educator*, 39(1), 1-12.
- Ephgrave, A. (2018). Planning in the Moment with Young Children: A Practical Guide for Early Years Practitioners and Parents. New York : Routledge.
- Ghazali Darusalam & Sufean Hussain. 2018. Metodologi Penyelidikan Dalam Pendidikan : Amalan dan Analisis Kajian. Kuala Lumpur. Penerbit Universiti Malaya.
- Harvey, S. T., Bimler, D., Evans, I. M., Kirkland, J., & Pechtel, P. (2012). Mapping the classroom emotional environment. *Teaching and Teacher Education*, 28(4), 628–640. <https://doi.org/10.1016/j.tate.2012.01.005>
- Jabatan Kebajikan Mayarakat. (2016). Dasar Kanak – Kanak Negara. Diambil daripada <http://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?id=VELiZUhrbWc2VC9wM3hEVWxTWVVFdz09&r=portal/left>
- Karabay, S. O. (2019). Emotion regulation, teaching beliefs and child-teacher relationships from the perspectives of pre-school teachers. *International Journal of Primary, Elementary and Early Years Education*3-13. 47:1. 101-115. DOI: 10.1080/03004279.2017.1405057.
- Konrad, S. C., & Gabrijelčič, M. K. (2014). Importance Of Emotional Intelligence In Teacher's Professional Development. *Didactica Slovenica*, 29 (2), 3 – 17.
- Kotaman, H. (2016). Turkish prospective early childhood teachers' emotional intelligence level and its relationship to their parents' parenting styles. *TeacherDevelopment*. Vol. 20, No.1, ms 106–122. <http://dx.doi.org/10.1080/13664530.2015.1101391>.
- Mohd Khairuddin Abdullah, Khalid Hj Johari, Ag Yusof Ag Chuchu, Halimah Laji, Universiti Malaysia Sabah & Jabatan Pendidikan Sabah. (2014). Komunikasi Guru Dalam Bilik Darjah Dan Tingkah Laku Delinkuen Murid Sekolah Menengah. *Jurnal Pemikir Pendidikan (Journal for Educational Thinkers)*. 5, 59-77.
- Mohd. Azam Abd Samat. (2019, Januari 19). Perutusan Ketua Pengarah PASTI Malaysia. *Buletin Pasti Malaysia*. Diambil daripada <http://www.pastimaysia.com/index.php?action=berita&id=353>.
- Mok Soon Sang. (2010). Kompetensi Kecerdasan Emosi. Puchong, Selangor. Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Nazri Halim & Yaakob Daud. (2017). Pengaruh Kecerdasan Emosi Dan Efikasi Guru Terhadap Stail Disiplin Guru Di Kedah Dan Perlis. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*. Bil. 4, Isu 3. 1-22.
- O'Rourke, T. G. (2018). Introduction. Dlm P.D. Pizzo, T. G. O'Rourke, & E. Greene (Pnyt). *Teaching and Leading with Emotional Intelligence: A Dilemma-Based Casebook for Early Care and Education* (ms 1-19). Amsterdam Avenue, New York: Teachers College Columbia University.

- Öznacar, B., Yilmaz, E., & Güven, Z. (2017). The Relationship between Teaching Styles and Emotional Intelligence of Teachers. *International Journal of Economic Perspectives*. Volume 11, Issue 1, 570-576.
- Pasti Malaysia. (2014). Sejarah Pasti.http://www.pastimalaysia.com/199_sejarah-pasti.html.
- Poulou, M. S. (2017). Social and Emotional Learning and Teacher–Student Relationships: Preschool Teachers’ and Students’ Perceptions. *Early Childhood Education Journal*. 45:427–435. DOI 10.1007/s10643-016-0800-3
- Poulou, M. S. (2017). The Relation of Teachers’ Emotional Intelligence and Students’ Social Skills to Students’ Emotional and Behavioral Difficulties: A Study of Preschool Teachers’ Perceptions. *Early Education and Development*. 28:8. ms 996-1010. DOI: 10.1080/10409289.2017.1320890.
- Powell, W., & Powell, O. K. (2013). Becoming an Emotionally Intelligent Teacher. New York, NY: Skyhorse Publishing.
- Rizalina Binti Mat Radzi. (2014). Peranan guru dan ibu bapa merangsang perkembangan sosioemosi kanak-kanak melalui aktiviti bermain. Masters thesis. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Siti Zaharah Ahmad, Lee Jun Choi & Sawan@ Mohammad Syawal Narawi. (2018). Efikasi Diri Guru dalam Menangani Kanak-Kanak Agresif di Pra-Sekolah: Satu Kajian Kes di Negeri Kedah Darul Aman. *Journal of Education and Social Sciences*. 9(2), 38-49.
- Supardi, Mohamed Nor Azhari Azman, Ramlee Mustapha, Ridzwan Che Rus & Che Ghani Che Kob (2016). Tahap Kecerdasan Emosi Guru Pelatih Teknikal dan Vokasional di Sekolah Menengah Kejuruan (SMK). *Sains Humanika*, 18:1, 41- 50.